

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 13 JUN 2022

KERATAN AKHBAR

Lebih 60 kolam, tasik sesuai jadi takungan tambahan depan kemarau



Lebih 60 kolam dan tasik di Selangor berpotensi dijadikan kolam takungan tambahan sebagai persediaan jangka panjang bagi menghadapi kemarau. - Gambar hiasan/Foto: Bernama

KUALA LUMPUR - Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah mengenal pasti lebih 60 kolam dan tasik di seluruh lembangan di negeri itu, yang berpotensi dijadikan kolam takungan tambahan sebagai persediaan jangka panjang bagi menghadapi kemarau yang dijangka berlaku pada 2025.

Pengarahnya Hasrolnizam Shaari berkata, daripada jumlah itu, 21 kolam telah diluluskan kerajaan negeri untuk diluas dan dilebarkan bagi menambah kapasiti takungan.

"Pada peringkat pertama, kesemua lebih 60 kolam dan tasik yang dikenal pasti ini telah kita kemas kini maklumatnya, termasuk status tanah dan kebolehgunaannya.

"Kemudian kita telah mendapat kelulusan dari kerajaan negeri untuk 21 kolam disiapkan menjadi kolam tambahan, dengan mendalam dan melebarkannya di mana pembinaannya akan dilaksanakan anak syarikat kerajaan negeri Selangor iaitu Kumpulan Semesta Sdn Bhd," katanya ketika menjadi tetamu program Koresponden Bernama terbitan Bernama TV bertajuk "Air Di Selangor: Persediaan Menghadapi Kemarau" pada Isnin.

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

Dalam masa sama, Hasrolnizam berkata, pihaknya turut membina infrastruktur lain bagi memastikan air takungan dari kolam berkenaan, dapat disalurkan ke loji rawatan air antaranya dengan pendekatan mengepam air sebelum disalurkan ke sungai.

Hasrolnizam berkata, dalam pengurusan sumber air yang lebih baik, LUAS juga telah membangunkan aplikasi yang boleh merekodkan jumlah air sedia ada secara masa nyata, sebagai persediaan untuk melepaskan air untuk digunakan.

Terdahulu, beliau berkata, bekalan air di Lembah Klang mampu bertahan selama lapan bulan sekiranya berlaku kemarau pada 2025.

"Ketika ini seluruh penduduk di Lembah Klang termasuk Putrajaya dan Kuala Lumpur meliputi 6.5 juta penduduk mendapat bekalan air terawat dari negeri Selangor, dengan jumlah penggunaan harian 500 juta liter. - Bernama